

U GB/30-11 00182 BA546

Aab

Mahathir - Brunei

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) — Sultan Brunei tidak terlibat dalam apa jua bantuan kepada parti-parti politik di Malaysia pada pilihan raya umum lepas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Baginda menjelaskan perkara itu semasa membuat lawatan tidak rasmi ke sini baru-baru ini, kata beliau pada persidangan akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata semasa beliau mengadap baginda, Sultan Brunei juga menyatakan beliau tidak berniat sama sekali untuk memberi bantuan kepada mana-mana kerajaan negeri.

Dalam ucapan dasar Perhimpunan Agung UMNO pagi ini, Datuk Seri Dr Mahathir telah juga menyatakan, dakwaan oleh pihak tertentu bahawa Brunei akan membantu kerajaan Kelantan adalah tidak benar kerana Sultan Brunei sendiri telah menafikan akan memberi apa jua bantuan.

Semasa ditanya sama ada beliau akan menerima jemputan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat, untuk melawat negeri itu, Perdana Menteri berkata: +Melawat tidak masalah, melawat boleh melawat, tetapi tidak semestinya memberi bantuan.+ -- Lagi.

♥30/11/19-02MST

CNS4310

U GB 30-11 00141 BA547

Aab

Mahathir - Brunei 2 Kuala Lumpur

Kerajaan tidak akan memberi bantuan kepada kerajaan Kelantan dan Sabah tetapi akan terus membantu rakyat, tambahnya.

Katanya jika bantuan diberi terus kepada kerajaan negeri, mereka akan mendakwa bantuan itu daripada mereka sendiri dan bukan kerajaan pusat. +Ini yang kita tidak mahu,+ katanya.

Mengenai tegurannya terhadap akhbar-akhbar Cina yang menonjolkan sistem dua parti pada pilihan raya umum lalu, beliau berkata bukan semua sistem dua parti berjaya tetapi orang mengamalkan sistem itu yang penting.

Beliau berkata kerajaan percaya kepada kebebasan akhbar dan tindakan tidak akan diambil kepada akhbar-akhbar itu.

Tindakan hanya diambil sekiranya ada pihak yang cuba meniupkan unsur-unsur perkauman, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata akhbar di negara ini bebas tetapi di mana-mana negara pun, kebebasan itu ada hadnya. -- Bernama.

♥30/11/19-03MST